

# DR. M: ELK SENGKETA

## Pilihanraya semakin hampir

ALOR SETAR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengakui, pilihanraya umum adalah dekat dan mengarahkan semua bahagian UMNO di seluruh negara mengelak dari sebarang sengketa.

Menurut Perdana Menteri, pilihanraya umum akan diadakan antara penghujung Mac atau awal April tahun ini dan Ogos tahun depan.

"Pilihanraya boleh diadakan dalam jangka masa tersebut tetapi buat masa ini, saya belum ada lham untuk menentukan tarikhnya," katanya kepada para pemberita selepas menghadiri mesyuarat UMNO Perhubungan Negeri di sini hari ini.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau telah menerangkan kepada anggota-anggota UMNO Perhubungan Negeri, pilihanraya adalah dekat dan dengan itu semua bahagian perlu mengelak dari sengketa dalam perubatan jawatan.

Bila ditanya mengenai peralapan-peralapan yang sedang dibuat oleh Suruhajaya Pilihanraya, beliau menjelaskan bahawa "suruhajaya" tersebut hanya mengenai kebendaan pentadbiran supaya ia sentiasa cekap dan sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

### Arahan bersiap sedia

"Bukan Suruhajaya Pilihanraya sahaja yang dikehendaki cekap, malah arahan untuk bersiap sedia ditunjukkan kepada semua jabatan kerajaan, katanya.

Mengenai arahnya kepada semua bahagian UMNO supaya mengelak dari berseketi, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, laporan-laporan mengenai kejadian tersebut jawatan didapati dilakukan "tidak mengikut peraturan" parti.

Menurutnya, UMNO tidak mengahang perubatan jawatan tetapi parti mahukan ia dilakukan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Saya tidak membaratkan sama sekali mana-mana pihak yang melanggar peraturan-peraturan tersebut, katanya.

Bila ditanya sama ada kerajaan bercadang hendak menyelaraskan cuti hujung minggu antara negeri-negeri berikutan penyamaan waktu antara Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak mempunyai rancangan berbuat demikian.

Kita akan mengekalkan keadaan seperti biasa, katanya.

Buat masa ini, negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu dan Johor menikmati cuti hujung minggu pada hari Jumaat sementara bagi negeri-negeri lain ialah pada hari Ahad.

Menurut Perdana Menteri, sebuah jawatankuasa yang dibentuk untuk mengaji soal cuti yang seragam antara negeri-negeri mendapati bahawa pendapat mengemunya berbeza dan sebab itu kerajaan tidak akan membuat sebarang keputusan mengemahnya.

Mengenai keputusan kerajaan membeli jenis pesawat pejuang untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Pertahanan berkata, keputusan itu adalah "rabais tentera".

"Walaupun seluruh dunia tahu, saya tidak akan menerangkan keputusan tersebut," katanya.

No. Siri ..... 2248  
No. Penerimaan ..... 92/85